



**SESI BERGAMBAR:** Sesi bergambar bersama-sama dengan Pengetua Baharu KK1B Wijaya Kamal Ramlan.

# HE05 anjur EPDEC Gathering 2019

UB 24.10.2019 15

**KOTA KINABALU:** Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan (HE05), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menganjurkan program EPDEC Gathering 2019.

Seramai 200 orang pelajar

menjalankan aktiviti bersama-sama sepanjang program itu berlangsung.

Pengarah Program EPDEC Gathering 2019 Nur Muhammad Amin Siadin berkata melalui program seperti ini kesemua pelajar program HE05 dapat berkenalan dengan lebih

baik lagi.

Program ini juga membolehkan pelajar tahun 1 mengenali senior mereka di samping kesemua pelajar dapat meluangkan masa bersama-sama dengan barisan pensyarah mereka.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FPEP

UMS Dr Rini Suryati Sulong merasmikan majlis itu dan turut dihadiri oleh Timbalan Dekan HEP FPEP UMS Dr Arif@Kamisan Pusiran, barisan pensyarah program termasuklah Ketua Program Prof Madya Dr Janice Nga Lay Hui serta para alumni program berkenaan.